

05/02/2003

Mahathir rasmi Hotel Putrajaya Shangri-La

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam ini merasmikan Hotel Putrajaya Shangri-La, hotel pertama di pusat pentadbiran

Kerajaan Persekutuan di sini.

Menyediakan 118 bilik mewah, hotel yang dimiliki Perbadanan Putrajaya itu disasarkan kepada pengunjung yang datang ke sini untuk tujuan perniagaan dan beristirehat.

Berdasarkan konsep hotel dalam taman bagi memenuhi pembangunan keseluruhan di sini, Putrajaya Shangri-La menyediakan pelbagai kemudahan terkini untuk keselesaan pelanggan.

Kewujudan hotel bertaraf lima bintang itu bagi memenuhi keperluan prasarana untuk pelbagai acara penting yang akan diadakan di Putrajaya, termasuk Persidangan Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) yang dijadualkan

Oktober ini.

Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, berkata dengan adanya hotel berkenaan, pejabat kerajaan boleh mengadakan acara rasmi di sini tanpa perlu ke Kuala Lumpur.

"Sejak lima tahun selepas Putrajaya diwujudkan, pelbagai seminar dan bengkel yang dilaksanakan pihak swasta untuk kakitangan kerajaan terpaksa dibuat di luar kawasan ini.

"Kekurangan kemudahan hotel adalah salah satu sebab mengapa kakitangan kerajaan tidak mahu berpindah ke Putrajaya. Kewujudan hotel ini mampu memberi imej baru kepada bandar ini," katanya ketika berucap pada majlis itu.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Mansor.

Azizan berkata, hotel berkenaan diuruskan Kumpulan Shangri-La yang memiliki imej terbaik dalam perkhidmatan perhotelan.

Antara kemudahan termasuk pusat kecergasan, restoran bertaraf antarabangsa, pusat bisnes 24 jam, spa, sauna dan bilik mesyuarat.

Dengan reka bentuk ringkas, hotel itu menyediakan dewan utama yang dapat memuatkan kira-kira 200 orang.

Harga bilik di hotel berkenaan adalah daripada RM365 hingga RM3,500 dengan pakej promosi sehingga 30 Jun ini.